

**Golongan Muda Perlu Dibiasakan Dengan Jenama Pemuda BN - Khairy Jamaluddin Bernama**  
**30 November, 2011**

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Golongan muda perlu dibiasakan dengan program jenama Pemuda Barisan Nasional (Pemuda BN) yang tidak begitu berkait dengan politik seperti karnival kerjaya, perumahan dan pertandingan muzik serta pidato, kata Pengerusi Pemuda BN Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata ini kerana pada masa sekarang ramai golongan muda yang mengaitkan jenama Pemuda BN dengan politik semata-mata, suatu subjek yang kurang digemari golongan itu.

"Kita sudah membina jenama Pemuda BN selama dua tiga tahun kepada program membantu golongan muda ini.

"Perlahan-lahan mereka bersama dengan kita dan akhirnya kita akan terjemahkan sokongan tersebut dalam bentuk undi pada pilihan raya umum akan datang," katanya kepada pemberita selepas Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda Umno 2011 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari Rabu.

Khairy berkata usaha Pemuda BN membina jenama telah membuahkan hasil yang memberangsangkan, contohnya seperti Karnival Kerjaya Pemuda BN baru-baru ini berjaya menarik ribuan pengunjung dari seluruh negara.

Lebih 400,000 orang mengunjungi karnival itu yang berlangsung di Kuala Lumpur, Kedah, Pahang, Melaka, Sabah dan Perak antara Julai dan November tahun ini.

Mengulas mengenai calon boleh menang, beliau berkata calon daripada Pemuda Umno yang dipilih untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-13 mestilah mempunyai pemikiran lebih muda daripada calon sebelum ini.

"Selain pemikiran, calon muda ini perlu mempunyai 'pandangan yang lebih muda' tentang sesuatu perkara berbanding calon sebelumnya, baru calon ini 'winnable' dan mampu buat perubahan demi menjaga kepentingan rakyat," katanya.

Sementara itu, Khairy mengingatkan kepada pemimpin akar umbi Pemuda Umno supaya merapatkan barisan dengan pemimpin akar umbi parti lain dalam Pemuda BN untuk bersama-sama mengatur strategi bagi memastikan kemenangan BN.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=630970>